



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada kakitangan Akademik Universiti ini untuk menyandang jawatan berikut:

1. Jawatan : **TIMBALAN NAIB CANSOLOR (VU6)
(HAL-EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**
2. Tangga Gaji :

| | | | | |
|---------|---------|---------|---------|---------|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 7064.26 | 7740.65 | 8195.91 | 8521.10 | 8846.29 |
3. Bentuk Lantikan : Tukar Sementara
4. Kelayakan dan Pengalaman : Sekurang-kurangnya telah memegang **jawatan Profesor Gred Khas C (berjawatan tetap atau kontrak)**
: Disahkan Dalam Perkhidmatan
5. Tempoh Perkhidmatan : 3 tahun
6. Kriteria Lantikan :
 - a. seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan dihormati.
 - b. mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
 - c. seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah pimpinannya.
 - d. mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
 - e. berkeupayaan mengenal pasti konflik dan mengurusnya dengan baik serta berhemah.
 - f. mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhannya.
 - g. Penentuan kebolehan dalam kriteria ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.

7. Cara Memohon :
1. **Calon Individu:** Pemohon dikehendaki mengisi Borang Keterampilan Khusus (*Summary of Specified Competences*) seperti di **LAMPIRAN A dan menyertakan sekali Biodata calon** mengikut format seperti di **LAMPIRAN B**.
 2. **Pencalonan Fakulti:**

Pencalonan oleh pihak Fakulti dengan menamakan ahli Fakulti atau ahli Fakulti lain setelah dibincangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Fakulti. Calon daripada Fakulti juga dikehendaki mengisi borang seperti di **LAMPIRAN A dan menyertakan sekali Biodata calon** mengikut format seperti di **LAMPIRAN B**.
 3. **Pencalonan oleh Naib Canselor:** Calon daripada Naib Canselor juga diminta untuk mengisi borang seperti di **LAMPIRAN A dan menyertakan sekali Biodata calon** mengikut format seperti di **LAMPIRAN B**

Kesemua maklumat pencalonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia **tidak lewat dari 30 Ogos 2007 (Khamis)**.

Nz//IklanTNCHEPA2